

SEKULARISME: FAKTOR, PENYEBARAN DAN LANGKAH MENGATASINYA DARI SUDUT PANDANG ISLAM

SECULARISM: THE PROPAGATED FACTORS AND STEPS TO OVERCOME FROM THE ISLAMIC PERSPECTIVE

Mohd Yusri Bin Ibrahim

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan (UPSI), Malaysia.
(Email:mohyusri@yahoo.com.my)

Received date: 17-09-2019

Revised date: 25-11-2019

Accepted date: 27-11-2019

Published date: 15-12-2019

To cite this document: Ibrahim, M. Y. (2019). Sekularisme: Faktor, Penyebaran Dan Langkah Mengatasinya Dari Sudut Pandang Islam. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 202-216.

DOI: 10.35631/ijhpl.280015

Abstrak: Kertas kerja ini membincangkan isu sekularisme yang dihadapi umat Islam hari ini. Fenomena menyerang pemikiran Barat terhadap Muslim adalah membimbangkan. Ideologi yang menyesatkan (Ghazwah al-fikr) yang melanda fikiran Muslim di kebanyakan negara Islam selepas fasa kolonialisme Barat. Hasil dari pelbagai kepercayaan yang dinyatakan terbuka kepada nilai-nilai Islam yang tinggi dan murni sebagai sekularisme, liberalisme, materialisme dan feminisme yang menafikan kewujudan sistem Islam memerintah ummah. Kajian ini melibatkan kajian kualitatif hasil ulama Islam yang dilakukan melalui data penyelidikan dan maklumatnya. Dengan demikian, artikel ini mengkaji fenomena serangan pemikiran Barat terhadap fikiran Muslim khususnya sejarah dan memahami kemunculan sekularisme di Barat, ciri-ciri dan ajaran doktrin, dan bentuk penyerapan dalam bidang kehidupan dan implikasi atau kesan ke atas supremasi agama dan langkah mengatasi dari perspektif Islam.

Kata Kunci: Sekularisme, Ghazwah al-fikr, Liberalisme, Materialisme, Feminisme

Abstract: This working paper discusses the issue of secularism facing the Muslims today. The phenomenon attack Western thought on Muslim is worrying. Misleading ideology (ghazwah al-fikr) that hit the Muslim is mind in most Muslim countries after a phase of Western colonialism. The results of various beliefs are open to the values of Islam high and pure as secularism, liberalism, materialism and feminism that denies the existence of the Islamic system of governing the ummah. The study involves a qualitative study of outcomes Islamic scholar who wrought through their research data and information, Thereby, this paper examines the phenomenon of Western thought attacks on the Muslim mind in particular the

history and understand the emergence of secularism in the West, features and doctrinal teachings, and the form of absorption in the field of life and the implications or effects on the supremacy of religion and steps to overcome from the perspective of Islam.

Keywords: *Secularism, Ghazwah al-fikr, Liberalism, Materialism, Feminism*

Pengenalan

Dewasa ini, fenomena serangan pemikiran Barat ke atas umat Islam amat membimbangkan. Fahaman menyesatkan (*ghazwah al-fikr*) ini melanda pemikiran umat Islam di kebanyakan negara Islam setelah berakhirnya fasa penjajahan Barat di dunia Islam. Hasil daripada penjajahan Barat dalam dunia Islam telah melahirkan pelbagai fahaman terbuka yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang luhur dan murni seperti sekularisme, liberalisme, materialistik dan feminisme yang menafikan kewujudan sistem Islam dalam mengatur kehidupan ummah. Jesteru itu, artikel ini akan mengkaji mengenai fenomena serangan pemikiran Barat ke atas pemikiran umat Islam khasnya mencakupi bidang sejarah dan faktor kemunculan faham sekularisme di Barat, ciri-ciri dan doktrin ajarannya, bidang dan bentuk penyerapannya dalam kehidupan serta implikasi atau kesannya terhadap keluhuran beragama dan langkah mengatasi dari sudut perspektif Islam.

Definisi Sekularisme

Sekular dalam bahasa Arabnya ialah “al-’Ilmaniyyah” diambil dari perkataan ilmu dalam bahasa Arab iaitu ‘ain, lam dan mim bermaksud mengangkat martabat ilmu,¹ jadi ia tidak bercanggah dengan konsep Islam yang menjadikan ilmu sebagai satu perkara penting bagi manusia yang menganjurkan kefahaman kepada ilmu sejak dari kedatangan Islam melalui wahyu pertama lagi, tetapi penterjemahan perkataan sekular kepada “al-’Ilmaniyyah” hanyalah satu tipu daya dan berselindung di sebalik slogan ilmu. Sekiranya diperhatikan makna tersirat bagi sekular ialah “*al-Ladiniyyah*” iaitu tanpa agama atau “*al-La’aqidah*” iaitu tanpa akidah seperti yang dinyatakan oleh Yusuf al-Qardhawi di dalam penulisannya mengenai pengertian sekularisme²

Istilah “al-’Ilmaniyyah” dipilih untuk mengalih pandangan umat Islam agar menerimanya kerana jika digunakan istilah “*al-Ladiniyyah*” atau “*al-La’aqidah*”, pasti umat Islam akan menolaknya. Sebab itulah penterjemahan sekular kepada istilah “al-’Ilmaniyyah” bermotifkan mengalih pandangan agar diterima oleh umat Islam. Bagi pendokong sistem sekular, mereka menerima dan mendokongnya kerana mereka memang telah diprogramkan untuk menyebarkan fahaman sekularisme. Namun bagi ulama-ulama Islam yang memahami hakikat sebenar konsep Islam, mereka menentang penyebaran fahaman ini yang jelas bertentangan dengan hakikat Islam. Jadi berlaku satu pertembungan antara pendokong sekularisme dan ulama-ulama Islam dalam mempertahankan “hakikat mengenai istilah ini.

Menurut A.S Hornby, sekular bermaksud sesuatu yang tidak bersangkutan dengan rohani atau keagamaan. Sekularisme pula adalah daripada perkataan bahasa Inggeris, yang ertinya kepercayaan bahawa akhlak, pendidikan dan sebagainya yang tidak didasarkan kepada agama, manakala “secularist” dalam bahasa Inggeris bermaksud penyokong atau pengikut sekularisme.³ Di dalam Kamus Dewan, sekularisme bermaksud fahaman, doktrin, dan

¹ Abdul Halim Mat Diah (1989), *Beberapa Masalah Ummah*. Kuala Lumpur: ABIM, h. 15.

² *Ibid*, h. 16.

³ A. Hornby (2004), *Oxford Advanced Dictionary*. London: Oxford University Press, h. 760

pendirian yang menolak atau memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan daripada urusan-urusan yang tidak bersangkutan dengan agama seperti pentadbiran awam dan lain-lain ⁴

Dapatlah disimpulkan sekularisme ini merupakan suatu fahaman yang memisahkan antara urusan keagamaan dengan urusan keduniaan. Sesuatu perkara yang dilakukan yang tidak dikaitkan dengan agama dan manusia boleh melakukan sahaja tindakan dan pelakuan mengikut akal fikiran tanpa perlu berpandukan kepada agama.

Sejarah Sekularisme Di Barat

Sekularisme telah muncul di Eropah bermula di Itali pada abad pertengahan Masihi. Abad ini merupakan detik yang banyak membawa perubahan terhadap perkembangan tamadun Eropah di dalam pelbagai aspek, termasuklah perubahan sikap terhadap nilai keagamaan masyarakat Eropah itu sendiri. Kelahiran sekularisme di saat berlakunya perubahan ke atas pembaharuan semula ini sememangnya telah diramalkan oleh beberapa orang cerdik pandai dan ahli falsafah Eropah pada masa itu. Francis Auguste Comte, salah seorang ahli falsafah sosiologi abad pertengahan telah meramalkan bahawa akan terjadinya suatu percambahan ilmu dan keruntuhan agama. Manakala seorang penyair German, Fredrich Nietzsche telah meramalkan bahawa di dunia Barat “Tuhan telah mati “. Jelasnya para ahli falsafah, penyair-penyair dan pengarang-pengarang barat telah menyakini akan datangnya suatu peristiwa pembebasan dari tuhan dan agama. Oleh kerana berlakunya perubahan suasana ini yang telah diyakini oleh para cendekiawan barat pada masa itu, mereka mula merasakan bahawa umat Kristian tidak akan dapat melarikan diri dari krisis agama yang akan timbul kesan daripada sekularisme. Sebagai langkah awal untuk mengelakkan dari berlakunya masalah yang mencabar masyarakat mereka ini, maka terdapat di kalangan mereka telah cuba untuk mencari jalan bagi menyesuaikan agama Kristian dengan fahaman sekular yang akan melanda mereka. Akhirnya mereka mendakwa bahawa sekularisme sememangnya telah ada dalam kepercayaan kitab Injil dan merupakan salah satu daripada ajaran kitab Injil itu sendiri.⁵ Detik inilah yang merupakan titik pertama lahirnya sekularisme. Pelakuan para cerdik pandai Eropah ini jelas menunjukkan sikap mereka yang sekular sebelum arus sekularisasi yang sebenar menimpa mereka dengan menyetepikan soal maruah agama mereka untuk menyesuaikan agama dengan keadaan yang berlaku sehingga agama telah diselewengkan oleh mereka.

Di Malaysia, Ideologi sekularisme secara rasminya mula menyerap masuk ke Malaysia apabila British memperkenalkan Sistem Residen selepas Perjanjian Pangkor 1874 dengan melaksanakan dasar pemisahan pemerintahan dan pentadbiran negara daripada penguasaan sultan atau raja. Sultan atau raja diberi kuasa khas untuk mengetuai hal-hal keagamaan di istana manakala residen pula bertanggungjawab mentadbir negeri. Dari sinilah, amalan fahaman sekularisme mula menyerap ke dalam setiap aspek kehidupan masyarakat Malaysia. Sehingga ke hari ini, dasar Inggeris ini masih terus dikekalkan dengan pengasingan antara dua kuasa legislatif dan eksekutif, pentadbiran dan urusan raja-raja, yang hanya diperuntukkan kuasa dalam hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu. Begitu dalam aspek-aspek lain unsur sekularisme ini jelas kelihatan ⁶

⁴ *Kamus Dewan* (1991).Ed.Baru.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka. h.150.

⁵ Abu Ridho (2001),*Gerakan Keagamaan dan Pemikiran*.Jakarta: al-Islahly Press, h.100

⁶ Che Yusoff bin Che Mamat (1988),*Perkembangan dalam Masyarakat Muslim*.Kuala Lumpur:al Rahmaniah, h.145

Faktor Kemunculan Fahaman Sekularisme

Pergolakan yang terjadi di gereja adalah salah satu faktor yang amat penting telah membawa sekularisme di Dunia Barat. Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa sekularisme adalah suatu fahaman yang menjauhi nilai- nilai agama dari segala aspek kehidupan, dengan mengkaji pergolakan yang terjadi di gereja-gereja Kristian di dunia barat, dapatlah dikatakan sebab inilah yang membawa kepada timbulnya sekularisme. Sebelum abad keenam belas, gereja merupakan satu institusi agama yang amat dihormati di kalangan masyarakat Kristian. Segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak gereja akan dihormati di kalangan masyarakat Kristian. Perundangan gereja berada di bawah pengaruh dan kekuasaan “Paus” dan “Majlis Agung”. Golongan gereja dianggap sebagai golongan yang paling mulia di dalam masyarakat. Keadaan ini telah berubah sama sekali menjelang abad 16 Masihi. Sikap golongan gereja telah berubah dan penyelewengan telah berleluasa dengan ketara sekali sehingga telah menjatuhkan maruah golongan gereja di kalangan masyarakat umum Kristian. Dalam suasana keruntuhan imej gereja ini, raja, putera-putera, “Paus”, “Abbot” dan pendeta-pendeta Kristian telah mula menyetepikan kemurnian agama Kristian demi mendapatkan kekayaan. Perkembangan kemajuan binaan telah menarik minat ahli-ahli gereja kepada kehidupan sekular. Mereka lebih cenderung menggalakkan perkembangan pengetahuan ilmu baharu serta membina tugu-tugu yang tersergam indah dari teologi Kristian. Jesteru itu, kemerosotan institusi gereja pada permulaan abad keenam belas ini adalah suatu faktor yang penting menyebabkan kelahiran sekularisme di dunia Barat.

Pada abad 16 Masihi, perkembangan teknologi, khususnya teknologi binaan dan proses pembangunan masyarakat telah berkembang pesat. Perkembangan ini telah memberi pengaruh yang besar terhadap kelahiran sekularisme di kalangan masyarakat Kristian di dunia Barat pada masa itu. Masyarakat Barat di waktu itu telah mula berlumba-lumba mengejar harta kekayaan dan serentak dengan itu mereka telah melupakan nilai-nilai agama Kristian sedikit demi sedikit. Keadaan ini tidak hanya mempengaruhi masyarakat awam, malah golongan gereja juga turut dipengaruhi sehingga mereka melupakan tanggungjawab agama. Selain daripada senibina, seni drama juga telah berkembang dalam masa yang sama. Masyarakat Kristian termasuk para penditanya leka menikmati nilai estetika yang baru muncul itu tanpa mengambil kira pandangan agama terhadap bentuk-bentuk kesenian yang mereka nikmati itu.⁷ Akhirnya mereka telah melupakan tanggungjawab mereka terhadap agama. Lorenzo De Medici merupakan seorang pendita Kristian yang sangat ketara menggemari kesenian drama dan seni bina. Beliau telah membelanjakan sejumlah besar wang untuk membina semula Gereja St. Peter di Rom agar lebih menarik. Tindakan ini menimbulkan banyak tanda tanya di kalangan masyarakatnya. Beliau terus membina pejabat- gereja yang baru kemudiannya menjualkannya dengan sewenang-wenangnya. Beliau juga mengambil kesempatan untuk mendapatkan wang melalui “surat kurnia” dan cukai-cukai. Maruah agama terus digadai demi mendapatkan kekayaan dan kemuliaan.

Selain itu, Perkembangan ekonomi yang pesat berikutan proses pembaharuan yang berlaku pada abad pertengahan, sedikit sebanyak memainkan peranannya yang tersendiri dalam membangkitkan sekularisme. Robert Eagang mengatakan bahawa sikap perekonomian masyarakat Eropah yang materialistik yang diwarisi turun temurun dan sehati dengan kehidupan mereka adalah satu faktor penting yang menyebabkan lahirnya sekularisme di barat.⁸ Sikap ini terus mendapat rangsangan dari kebangkitan ekonomi yang pesat menyebabkan masyarakat dunia barat mengenyahkan nilai-nilai agama mereka. Seluruh

⁷ Malik Bennabi (1991), *Islam dalam Sejarah & Masyarakat*. Terj. Ismail bin Ahmad, Hulu Kelang: DBP, h.65.

⁸ Robert Eagang (1939), *Europe From The Renaissance to Waterloo*. US: DC Heath and Company, h.120.

masyarakat Kristian dari berbagai lapisan termasuklah golongan agama Kristian terus hanyut di dalam arus perkembangan kemodenan ekonomi.

Ilmu pengetahuan berkembang dengan pesatnya di dunia barat ketika berlaku pembaharuan “Renaissance”. Berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan telah dikembangkan sepanjang tempoh itu. Kombinasi pengajaran terhadap ilmu-ilmu pengetahuan baharu, resapan pengajian klasik dan penghargaan terhadap faham berhalal purba telah menimbulkan rasa tidak puas di kalangan masyarakat terhadap perkembangan yang mereka alami selama ini. Keadaan ini mendorong mereka mengejar keseronokan dan kemewahan baru walaupun sangat berbeza dan bertentangan dengan ajaran Kristian dan konsep pengagungan terhadap Isa. Perkembangan ilmu sains di zaman pembaharuan yang berlaku di abad pertengahan merupakan satu faktor tersendiri yang membawa kepada lahirnya sekularisme di dunia barat. Be Eugene Meelang ada menyentuh tentang punca kebangkitan sekularisme di dunia barat di dalam bukunya “The Secularization of Modern Culture” bahawa sekularisme sains muncul di barat adalah disebabkan oleh perkembangan sains dan pemikiran yang dialami oleh masyarakat. Perkembangan ilmu kaji bintang merupakan satu bidang kajian ilmu sains yang menimbulkan banyak krisis di kalangan masyarakat Barat.

Perkembangan ilmu ini telah melahirkan ramai tokoh yang berkebolehan dalam masyarakat dan telah mengeluarkan berbagai-bagai teori baru. Teori-teori baru ini telah menimbulkan kontroversi di kalangan gereja. Golongan gereja telah berpecah kepada dua golongan dalam menghadapi masalah ini. Sebahagian dari mereka menerima perkembangan ini dengan tenang dan sebahagian lain pula tidak dapat menerimanya kerana teori-teori yang dikemukakan oleh para ahli astronomi adalah bertentangan dengan agama Kristian. Golongan yang berminat dengan ilmu ini terus menumpukan perhatian kepada bidang yang diceburinya dengan sepenuhnya. Golongan paderi yang berminat dengan ilmu ini telah meninggalkan gereja. Copernicus adalah seorang paderi bangsa Pole yang telah menumpukan sepenuh perhatian kepada ilmu astronomi dan meninggalkan terus gereja dan tugasnya yang berhubung dengan agama. Teori Copernicus dan teori Ptolemy mengenai peredaran bumi telah menimbulkan kemarahan ahli gereja yang lain. Majlis agama Kristian telah memutuskan bahawa matahari adalah pusat alam ialah mustahil kerana bertentangan dengan ajaran kitab Injil. Manakala para saintis pula sanggup mengengapikan sama sekali ajaran agama mereka kerana kajian yang telah dijalankan.

Di samping perkembangan ilmu sains, pengaruh ilmu falsafah moden juga merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi kelahiran sekularisme di kalangan masyarakat barat. Perkembangan falsafah telah memberi kesan kepada seluruh masyarakat Kristian di dunia Barat, termasuklah golongan pendeta-pendeta agama. Penglibatan para paderi dan pendita Kristian dalam bidang falsafah telah menimbulkan pengabaian tugas di kalangan mereka terhadap urusan agama di gereja dan biara. Pembaharuan dan perkembangan falsafah ternyata lebih menarik perhatian mereka. Gordano Burno, seorang pentafsir berbangsa Itali telah melarikan diri dari penghidupan biara. Asalnya beliau adalah seorang rahib Dominika. Setelah melarikan diri dari penghidupan biara yang rakyatnya berfahaman radikal entelek. Kemudian beliau menghina ajaran agamanya sendiri. Pada pendapat beliau, agama adalah bersifat manusia, mukjizat pula dianggap sebagai muslihat. Di saat-saat perkembangan, pembaharuan dan pembangunan yang pesat di dunia barat, suatu fahaman yang dikenali sebagai fahaman kapitalis telah muncul di dalam masyarakat. Perasaan mementingkan diri untuk mendapat keuntungan dan kebendaan meluap-luap di jiwa masyarakat dunia barat di waktu itu. Masyarakat sanggup menyelewengkan penggunaan wang dan harta kekayaan gereja. Gejala ini

amat ketara di kalangan pendita Kristian sendiri. Mereka mendakwa bahawa harta kekayaan gereja hendaklah digunakan untuk mendapatkan kekayaan. Masyarakat tidak lagi mempunyai perasaan dan kesedaran untuk memperbaiki keadaan maruah agama mereka sendiri. Bahkan segala tanggungjawab mengenai agama telah dilupakan oleh sebahagian dari golongan gereja sendiri.

Tidak hairan jika fahaman sekularisme mendapat tempat di barat. Ini berpunca dari kongkongan gereja dan tindakannya menyekat pintu pemikiran dan penemuan sains. Ia bertindak menyekat penggunaan akal dan hati manusia, dengan erti kata lain segala keputusan adalah di tangan pihak gereja dengan mengambil kesempatan mengaut keuntungan dari pengikutnya dengan cara yang salah. Dengan sebab ini berlakulah pertembungan antara gereja dan sains yang akhirnya tertegaklah fahaman sekularisme yang bererti “memisahkan agama Kristian dari negara. Sekularisme telah disebarkan untuk keluar dari gereja yang mengongkong pengikutnya. Masyarakat Eropah tertekan dan dizalimi di bawah pemerintahan gereja. Bagi pendokong sekular, mereka menganggap dengan berada di bawah kuasa gereja mereka tidak akan mencapai kemajuan. Sebab itulah mereka memutuskan tali ikatan diri mereka dengan gereja dan menjadi orang yang beragama Kristian hanya pada nama tidak pada pengamalan agama.”⁹

Apabila fahaman sekularisme dipindahkan dari barat ke timur, golongan ini tidak menyedari suasana di timur yang berpegang kuat dengan agama Islam. Keadaan dalam agama Islam tidak sama dengan apa yang terjadi dalam agama Kristian di mana sepanjang sejarah Islam tidak ada kezaliman terhadap penganutnya. Begitu juga Islam tidak membenarkan pemisahan agama Islam dari negara kerana negara mengikut fiqh Islam ialah sebahagian dari agama bukannya satu perkara yang berasingan. Dalam Islam, tidak mungkin tertegaknya agama tanpa negara yang boleh menguatkuasakan undang-undang agama dan tidak mungkin tertegaknya negara jika tidak ada agama yang boleh “memandunya”.¹⁰

Al-Syahid Hasan al-Banna dalam “Majmu’ah Rasa’il” menegaskan bahawa Islam merupakan sistem sempurna yang merangkumi urusan kehidupan manusia semuanya. Ia merangkumi negara, kerajaan, rakyat, akidah, syariat, akhlak, ekonomi, keadilan, undang-undang, ilmu, jihad, dakwah, tentera dan lain-lain. Tidak ada perkara yang dibiarkan melainkan Islam merangkuminya. Al-Quran sendiri telah menggariskan beberapa dasar umum untuk umat Islam dalam memandu kehidupan mereka.¹¹ Sebagai contohnya dalam bidang akidah melalui firman Allah dalam Surah Al-Imran ayat 19, bidang ibadat melalui Surah Al-Baqarah ayat 43, bidang sosial melalui Surah Al-Baqarah ayat 188, bidang politik melalui Surah Saba’ ayat 15, bidang undang-undang perlembagaan melalui Surah Al-Nisa’ ayat 59 dan juga bidang-bidang yang lain.

Islam merupakan satu agama yang terkandung di dalamnya akidah dan syariat tidak membenarkan pemisahan ini dilakukan seperti mana Islam tidak membenarkan tuhan-tuhan lain ditaati dalam bidang syariah seperti ditaatinya Allah dalam bidang akidah. Allah telah menegaskan dalam al-Quran bahawa agama yang diredhainya hanyalah Islam yang suci.

⁹ Abdul Halim Mat Diah, *Op.cit.*, h.17

¹⁰ Shittu Abdulazeez Bologun, Reflections On Anti Shariah Practices Among Muslims, *Jurnal Syariah Jil 17, bil 1(209)*, h. 153-168.

¹¹ Fathi Yakan (2010), *Apa Ertinya Saya Menganut Islam?*. Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd, h.19.

FirmanNya yang bermaksud, “Sesungguhnya al-Din (agama) yang diterima di sisi Allah hanyalah Islam”, Surah Al-Imran ayat 19.

Jelasnya menyamakan Islam dengan agama Kristian dan percubaan memasukkan fahaman sekular ke dalam Islam adalah satu kesilapan. Islam tidak seperti Kristian kerana Islam datang dari Pencipta manusia iaitu Allah s.w.t. Kristian pada asalnya agama tauhid tetapi telah diselewengkan oleh paderi-paderi untuk kepentingan mereka. Sekularisme menyempitkan ruang lingkup agama dengan konsep perkara yang memberi keuntungan dan kemudahan diterima pakai manakala yang mendatangkan kesusahan ditolak tepi. Perbuatan ini ditempelak oleh Allah melalui firmanNya Surah al-Baqarah ayat 85, maksudnya: “adakah kamu percaya (beriman) kepada sebahagian kandungan Kitab (al-Quran) dan ingkar akan sebahagiannya? Sebaliknya Allah memerintahkan agar menerima Islam secara keseluruhannya melalui firmanNya surah al-Baqarah ayat 208 yang bermaksud, “wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya”.

Ciri-Ciri Dan Doktrin Ajaran Sekularisme

Sekularisme ialah fahaman yang merujuk kepada penafian hal-hal kerohanian, penafian adanya akhirat, pemisahan antara agama dan nilai kerohanian, kekuasaan sebagai kebebasan mutlak dan institusi agama hanya khusus untuk urusan ketuhanan semata-mata. Sekularisme sebagai aliran yang ingin memperbaiki kehidupan dengan cara material, hal keduniaannya bebas daripada ajaran wahyu, bersifat bebas hasil daripada pemikiran dan pengalaman tanpa hubungkait dengan Tuhan dan kebahagiaan hidup ditentukan oleh dunia.¹²

Secara umumnya, fahaman ini mendokong beberapa prinsip yang mencerminkan dasar ini iaitu bersifat terasing daripada aspek keagamaan. Sekularisme mendokong teori yang pernah diungkapkan oleh Martin Luther apabila meminta agar tugas pentadbiran diserahkan kepada “Kaisar” dan membiarkan tugas-tugas agama dikendalikan oleh paderi-paderi di gereja. Penyisihan agama daripada aspek kehidupan boleh dilihat pada amalan masyarakat dunia hari ini yang menganggap agama hanyalah sebahagian disiplin atau pun aspek yang setaraf dengan sejarah, ekonomi, politik dan sebagainya.¹³

Sekularisme melatih para pendokongnya agar mengeneipkan hal-hal akhirat dan secara tidak langsung supaya mencari kehidupan di dunia semata-mata.¹⁴ Urusan akhirat bagi mereka adalah perkara kedua yang akan difikirkan di Akhirat nanti. Lantaran itu, sekularisme membawa penganutnya kepada beberapa ideologi lain yang mementingkan kehidupan dunia dengan mengeneipkan unsur kehidupan agama sebagai masalah individu, umpamanya ideologi materialisme, individualisme, kapitalisme dan individualistik, komunisme, Feminisme.

Sekularisme juga memperjuangkan ciri-ciri yang bersifat kebebasan, kebahagiaan dan kebebasan yang tiada bersempadan. Teori Machievelli merupakan dasar yang dipegang oleh ideologi ini, iaitu “Ends Justify The Means”, yang bermaksud matlamat menghalalkan cara. Sekularisme juga menampilkan cirinya yang tidak tetap dan tidak mutlak. Perundangan dan pemerintahan secara sekular tidak mempunyai teras yang tetap dan mutlak, malah sentiasa berubah-ubah mengikut kepentingan dan masa tanpa ada sebarang garis panduan yang mutlak.

¹² Dr Danial Zainal Abidin (2003), *Kit Kombat Islam Untuk Remaja*, Pahang:PTS Publications, h.129.

¹³ Tamim Ansary (2014), *Sejarah Dunia dari Sudut Pandang Islam*, Terj. Asmadi Zain. Kajang :Js Adiwarna Publications & Distributors Sdn Bhd, h.338.

¹⁴ Mohd Zaidi Abdullah (2000), *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur:Syathariah Niaga Sdn Bhd, h.10

Sebagai contoh, pandangan sekular terhadap perlakuan zina sentiasa berubah-ubah sejak abad ke 15 masihi sehinggalah kini, hal tersebut sudah menjadi hak individu yang tidak lagi menjadi kesalahan di Barat.¹⁵

Bidang Dan Bentuk Penyerapan Sekularisme Dalam Kehidupan

Penjajahan barat di bumi umat Islam, menyebabkan mereka berusaha sedaya upaya untuk menyebarkan fahaman sekularisme ini melalui pelbagai cara. Dengan keupayaan ilmu dan teknologi yang dimiliki serta pengalaman, mereka berjaya melaksanakannya. Cara-cara penyebaran fahaman sekularisme ini dilaksanakan melalui pelbagai cara iaitu bidang pendidikan, media massa dan undang-undang dengan motifnya untuk menjauhkan umat Islam dari agamanya.

Penyebaran Sekularisme Melalui Pendidikan

Penyebaran sekularisme berlaku melalui sekatan pengajian agama Islam secara material dan moden. Sekatan secara material dilakukan dengan membuka pintu seluas mungkin kepada pengajian yang kosong dari ruh agama Islam (pengajian yang jauh dari penekanan agama). Pengajian sebegini akan dibantu dan dibangunkan serta diberi kemudahan dari segi material. Pengajian agama Islam disempitkan bantuan kewangan ataupun tidak dibantu langsung. Sebarang bantuan lebih dicurahkan kepada pengajian bercorak sekularisme. Di Turki bermula 3hb Mac 1924 sistem pendidikan sekular telah dijadikan dasar utama di semua peringkat pengajian pendidikan¹⁶

Sekatan secara moral ialah dengan memperlekehkan golongan penuntut agama dan tuan guru mereka dengan membeza-bezakan antara guru-guru agama dan guru-guru subjek lain dalam setiap keadaan satu perkara yang disengajakan. Begitu juga membeza-bezakan antara lepasan bidang agama dan lepasan bidang-bidang lain. Dari segi perjawatan pula, lepasan bidang agama tidak banyak mendapat peluang di samping ganjaran dan status yang dipandang rendah tetapi bagi lepasan bidang-bidang lain agak mudah mendapat peluang dan status tinggi. Mereka ini akan tenggelam dalam “ketidaksedaran” dan terpahat dalam minda “jika kita memilih bidang agama ianya tidak akan ke mana dan tidak akan menjamin hidup”, maka dengan itu masyarakat lebih cenderung kepada pengajian bidang bukan agama.¹⁷

Sebenarnya tidak ada istilah ilmu “*bukan Islam*“, seperti kedoktoran, kejuruteraan dan sebagainya. Ia juga merupakan ilmu Islam. Yang menjadi persoalannya ialah umat Islam telah diabaikan dari segi penekanan ilmu agama yang sepatutnya menjadi teras kepada mereka. Tidak salah seorang muslim itu menjadi doktor tetapi doktor yang ada asas didikan Islam. Juga tidak salah seorang muslim itu menjadi jurutera tetapi jurutera yang ada asas didikan Islam.

Melonggarkan sukatan pengajian agama atas nama kemajuan akademik. Residen Britain di Mesir Lord Krumer semasa penjajahan Britain ke atas Mesir telah melaung-laungkan slogan pembaharuan dalam Universiti al-Azhar dengan memasukkan subjek sivil dalam sukatan pengajiannya. Percampuran subjek ini menyebabkan pelajar lemah dalam menguasai ilmu agama. Beberapa sukatan pelajaran juga telah dibuang atau dikurangkan seperti subjek yang

¹⁵ Ridzuan Mohd Noor & Ahmad Ahmad Fadzil (2009), *Islam Liberal & Pluralisme Agama*. KL: Jundi Resources, h.41.

¹⁶ Ahmadi Al Aziz (2002), *Bapa Pembangunan Turki Moden Mustapha Kamal Artaturk*. Kuala Lumpur: Usnie Sdn Bhd, h.25.

¹⁷(2014) *Akal Siapa Tuhan Kamu*, diselenggara Ahmad Khairuddin & Nur Amalina Bt Mohd Azman, Semenyih: Humaira Publication, h.54

berkaitan jihad menyebabkan ruh jihad telah hilang dalam diri pelajar Islam. Kelonggaran sukatan pengajian agama berlaku di seluruh negara Islam dengan tujuan untuk melemahkan keperibadian pelajar-pelajar Islam dengan kurikulum pengajian Islam lebih tertumpu kepada pengajian bersifat spritual sahaja.¹⁸

Bercambahnya institusi pengajian asing di negara Islam bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Tujuannya ialah untuk mengeluarkan umat Islam dari agama mereka atau sekurang-kurangnya menyelewengkan akidah mereka. Kesannya ialah penyisihan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan mengagungkan bahasa asing. Penyisihan bahasa arab sebenarnya adalah agenda menghina agama Islam itu sendiri. Louis Masignon menyarankan Bahasa Arab ditulis menggunakan huruf Latin untuk menggalakkan Bangsa Arab bangga menggunakan Bahasa Ajami atau bahasa pasar.¹⁹ Di Malaysia, penyisihan tulisan jawi sebagai tulisan rasmi Bahasa Melayu sejak awal tahun 1960an telah menyebabkan ramai generasi selepas tahun 1960an “buta” dalam memahami Al Quran.

Mengalakkan percampuran lelaki dan perempuan ketika pengajian. Golongan sekular memulakannya di negara-negara Islam dengan mendakwa ianya kemajuan dan kemodenan tetapi sebenarnya menyalakan lagi obor nafsu manusia. Dakwaan mereka percampuran ini dapat mematangkan pemikiran tetapi ia antara punca tercetusnya masalah sosial yang kronik akibat percampuran yang tidak dikawal. Ilmu sains membuktikan percampuran sebegini akan membawa kepada 2 keadaan:

i. Membekukan nafsu seks antara 2 jantina, dengan erti kata lain, lelaki tidak lagi bernafsu kepada wanita secara tabii tetapi lebih bernafsu kepada kaum sejenis. Penyakit ini semakin menular di negara-negara barat dan Amerika Syarikat khasnya Gay dan Homoseksual yang diterima sebagai gaya hidup baru terutama peranan yang dimainkan oleh SIS (Sister in Islam) yang menyatakan jenayah dan etika berpakaian adalah salah guna hukuman.²⁰

ii. Merangsangkan nafsu. Satu eksperimen dijalankan oleh saintis dengan meletakkan anak kucing dan anak tikus yang masih kecil dalam satu sangkar. Kedua-duanya makan dan minum dari satu bekas yang sama sehinggalah sampai masa “keinginan”, anak kucing itu telah membunuh anak tikus dan memakannya walaupun kedua-duanya hidup dalam satu sangkar serta makan dan minum dari bekas yang sama. Anak kucing itu tidak lagi menaruh sifat kasihan walaupun agak lama “berdamping” dengan anak tikus itu. Situasi ini diibaratkan dengan percampuran pelajar dengan sebeb-bebasnya tanpa kawalan, lama kelamaan akan menjurus ke arah masalah sosial. Realiti yang berlaku di negara-negara Islam adalah bukti yang nyata masalah sosial yang berlaku.²¹

Penyebaran Sekularisme Melalui Penulisan Dan Media Massa

Sekiranya sekularisasi dalam pengajian hanya melibatkan ribuan pelajar, tetapi sekularisme dalam media massa meliputi jutaan orang yang menonton, mendengar dan membacanya melalui program-program yang disediakan. Setiap perkataan atau tulisan yang baik akan menghasilkan natijah yang baik. Manakala perkataan atau tulisan yang buruk pula akan menghasilkan natijah buruk juga. Oleh itu media massa berperanan untuk mengangkat martabat, peribadi, maruah dan minda seseorang atau ia juga boleh berperanan untuk

¹⁸ *Ibid*,h.24.

¹⁹ Dr Abdullah Azam,*op.cit*, h.74.

²⁰diselenggara Ahmad Khairuddin,*op.cit*, h.24

²¹ Dr Danial,*op.cit*.h.135

menjatuhkan martabat, peribadi, maruah dan minda seseorang, contohnya penulisan Al Adab al Arabi karya Carl Brockman.²²

Realiti yang dapat dilihat melalui televisyen, radio, wayang gambar, teater, akhbar, majalah dan lain-lain media massa tidak banyak yang membantu perkembangan nilai-nilai murni. Ia juga tidak membantu perkembangan minda dan pengamalan dengan akhlak Islam. Sekiranya ada pun, ia hanya pemanis mulut dan pembuka bicara. Rancangan-rancangan televisyen yang menyiarkan gambar separuh bogel dan “pornografi” banyak disiarkan untuk meruntuhkan akhlak umat Islam terutamanya golongan muda mudi. Media massa sepatutnya menjadi “mimbar dakwah” yang menyeru kepada kebaikan dan menyampaikan kebenaran, tetapi kini lebih kepada maksiat, medan fitnah dan agen perosak sosial masyarakat. Inilah agenda sekularisme yang berusaha menjauhkan umat Islam dari agamanya melalui peranan yang dimainkan oleh Lawyer of Liberty dan Islamic Renaissance Front Berhad.²³

Penyebaran Sekularisme Melalui Undang-Undang

Golongan sekular berusaha bersungguh-sungguh untuk menjauhkan Islam dari “kuasa” pemerintahan. Mereka akan memastikan agar undang-undang Islam tidak dirujuk walau dalam apa hal sekali pun sehinggakan Islam kelihatan tinggal rangkanya sahaja. Ia berlaku di kebanyakan negara Islam. Di Turki contohnya, untuk menjauhkan manusia dari Islam, mereka berusaha mensekularkan undang-undang sedikit demi sedikit hingga akhirnya undang-undang Turki menjadi sekular dan terlerainya undang-undang khilafah Islam mulai tahun 1937 perlembagaan Turki menjelaskan bahawa Turki secara rasminya adalah negara sekular²⁴. Di Mesir “pengsekularan” undang-undang dilakukan ketika penjajahan Inggeris terma-terma undang –undang merujuk kepada undang-undang barat dan undang-undang Perancis secara dalam hal berkaitan undang-undang Hadhanah.²⁵

Undang-undang Islam yang tinggal hanyalah berkaitan nikah kahwin atau Ahwal Syakhshiah yang berkait dengan adat kerana ia tidak menggugat kedudukan penjajah. Umat Islam boleh mengamalkan undang-undang ini di kalangan mereka tetapi untuk mengamalkan undang-undang yang bersangkutan paut dengan pemerintahan negara, jenayah dan lain-lain tidak diizinkan oleh penjajah. Ini adalah perancangan jahat golongan sekular. Mana-mana negara Islam yang ingin melaksanakan undang-undang Islam secara menyeluruh pasti akan menerima tekanan hebat dari pihak barat atau dari golongan sekular dalam negara itu sendiri.

Ini adalah sebahagian perancangan yang dilakukan oleh golongan sekular untuk memesongkan umat Islam dari beramal dengan agamanya mengikut jalan yang betul.²⁶ Muslim yang hatinya kosong dari ruh agama pasti menganggap sekular itu adalah kemajuan dan kemodenan tetapi tidak menyedari dia telah merenggangkan ikatan tali dirinya dengan Islam yang dianutnya. Umat Islam perlulah sedar perancangan-perancangan golongan sekular ini agar mereka tidak terjatuh ke dalam perangkap yang akan merugikan mereka di dunia dan akhirat.

²² Dr Danial, *op.cit*, h.75

²³diselenggara Ahmad Khairuddin, *op.cit*, h.104

²⁴ Dr Abdullah Azam, *op.cit*, h.35

²⁵ Zanariah Noor , Melarikan Anak Ke Luar Negara :Kawalan Undang-Undang di Malaysia dan di Bawah The Hague Convention On The Sivil Aspect Of International Child Abduction 1980, *Jurnal Syariah ,Jil 18,Bil 1(2010)* , h. 137-162

²⁶ Hj Nik Azran Muhamed &Hj Mohd Mahadi Hj Isa (2009) *Gerakan Orentalisme &Kristinasasi* .KL:Hijjaz Records Publishing, h.38.

Islam dan sekularisme tidak akan dapat disatu dan disebatikan kerana kedua-duanya adalah berbeza. Al-Marhum Syeikh Mutawalli Sya'rawi sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir berkata: “sadarlah bahawa tidak akan berlaku pertembungan antara hak dengan hak tetapi pertembungan hanya berlaku antara hak dan yang batil”. Maka umat islam perlulah mengikut yang hak (kebenaran) dengan menurut segala perintah Allah s.w.t dan meninggalkan segala laranganNya.²⁷ Untuk mengetahui yang hak dan yang batil menurut pandangan syarak, tugas itu perlulah dilakukan oleh ulama-ulama yang pakar lagi ikhlas. Tidak ada jalan selamat di akhirat melainkan menerima seratus peratus ajaran Islam yang sebenarnya mengikut al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Implikasi Dan Kesan Sekularisme Terhadap Keluhuran Beragama Di Kalangan Umat Islam

Ideologi sekular ini secara umumnya menimbulkan banyak kesan negatif berbanding positif ke atas dunia Islam, terutamanya dalam aspek akidah dan pemikiran. Ideologi ini melanda umat Islam seluruhnya, malah juga dunia secara amnya.

Alan Richardson dalam bukunya *The Religion in Contemporary Debate* menjelaskan “Bahawa dunia yang kita lihat sekarang ini adalah hasil daripada sekularisasi umat Kristian”. Kesan sekularisme secara umum dalam pelbagai aspek ialah dengan melemahkan keimanan dan menggoyangkan akidah serta keyakinan terhadap kekuasaan Allah s.w.t. Keraguan terhadap rasul, para malaikat, hari kiamat dan Al-Quran serta pembalasan Qadha dan Qadar menyebabkan keimanan umat Islam semakin rapuh dan terkeliru dengan pendapat aliran-aliran Barat. Masyarakat islam mula mempertikaikan hal-hal agama terutamanya yang berupa metafizik dan tidak logik pada pemikiran mereka, seperti kewajipan menutup aurat,²⁸ hal berkaitan solat, alam akhirat dan pembalasan kubur. Seorang penulis Syria bernama Muhammad Syahrur meletakkan kedudukan Rasulullah tidak lebih daripada seorang individu yang dikagumi bukannya sebagai manusia yang maksum.²⁹ Selain itu, berlaku perubahan perwatakan individu dari segi berfikir, bertindak, gaya hidup. Pengasingan diri dari kepentingan beragama menyebabkan kekosongan di dalam diri dan jiwa dan kelahiran pembangunan yang tidak seimbang. Akibatnya keruntuhan moral dan akhlak berleluasa serta gejala-gejala seperti dadah, arak, aids, lesbian, homoseks, bunuh diri, bohsia berleluasa.³⁰ Dalam bidang politik, aliran politik Barat tertanam di dalam jiwa umat di negara-negara Islam seperti fahaman kapitalisme, sosialisme, nasionalisme dan lain-lain. Pada dasarnya, matlamat untuk mendapatkan pengaruh, pangkat dan kuasa bertentangan dengan politik Islam yang memandang jawatan itu sebagai amanah dan tugas khallifah Allah. Begitu juga, apabila berkuasa, hendaklah menggunakan kuasa untuk menunaikan amanah, tanggungjawab kepada masyarakat.³¹

Dari segi ekonomi, lahirnya dua bentuk sistem ekonomi iaitu sistem ekonomi kapitalis dan sosialis yang bermatlamatkan kekayaan dan material semata-mata tanpa memikirkan halal, haram, keadilan. Kehidupan umat Islam dipenuhi dengan kehidupan duniawi tanpa ingatan kehidupan di akhirat. Amalan Riba digunakan dalam urusan kewangan secara berleluasa walaupun dilarang keras dalam Islam.³² selain itu, Pendidikan, corak sistem pendidikan yang

²⁷ Abdul Halim ,*op.cit*, h.35

²⁸ Abdul Hadi Awang (2007),*Islam & Demokrasi*.Batu Caves:PTS Islamika , h.102

²⁹ Dr Basem Khafaji (2010).*Strategi Barat Mengekang Islam*.KL:Perkim, h.70.

³⁰ Abdul Hadi Awang ,*op.cit*, h.115

³¹ *Ibid*, h.134

³² *Ibid* , h.127.

lebih mementingkan hal-hal dunia tanpa mengambil kira kesucian jiwa dan iman yang diperlukan bagi membentuk akhlak dan moral. Sistem pendidikan dualisma telah diperkenalkan ke seluruh dunia termasuk di negara Islam iaitu bercorak agama yang terpisah lokasi di pesantren dan pondok dan pengajian sekular yang di institusi milik kerajaan.³³

Dalam bidang perundangan, penggantian undang-undang dari undang-undang Islam kepada sistem perundangan barat menyebabkan dewasa ini umat Islam tanpa segan silu mempertikaikan keadilan perundangan Islam dan mempersendakan golongan yang mengamalkannya. Kerajaan Mesir umpamanya telah menghapuskan mahkamah syariah dengan memasukkan peranannya di dalam struktur mahkamah sivil. Di Malaysia umpamanya hukuman tertinggi yang diperuntukkan untuk Mahkamah Syariah hanyalah denda RM 5 ribu, atau 3 tahun penjara atau 6 kali sebatan.³⁴ Bahkan usaha untuk memartabatkan kedudukan mahkamah syariah di Malaysia menghadapi banyak tentangan dan halangan dari pelbagai pihak sama ada parti politik dan persatuan yang mewakili anggota masyarakat.

Langkah Mengatasi Fahaman Sekularisme Dari Sudut Pandang Islam

Sekularisme adalah fahaman politik dan kehidupan yang menolak dan menentang penghayatan Islam sebagai satu peraturan hidup yang lengkap di dalam kehidupan rakyat yang beragama Islam di negara ini sedangkan Allah SWT telah pun memerintah supaya sebagai Muslimin menerima dan melaksanakan peraturan Islam itu secara menyeluruh dan lengkap tanpa menerima sebahagian atau menolak sebahagian sebagaimana yang pernah dibuat oleh golongan Yahudi dan Nasrani terhadap ajaran-ajaran Taurat yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada mereka. Keimanan kepada Allah SWT Yang Maha Esa menuntut setiap setiap Muslim mentaati segala perintah-perintah yang diwajibkan oleh Allah SWT.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ٢٠٨

Ertinya: Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu. (surah al Baqarah ayat 208)

Kefahaman Islam yang jelas menurut kehendak Al Quran, Sunnah dan kefahaman para Muslimin yang awal yang telah disaksikan oleh Rasulullah SAW. di atas keimanan mereka, serta berasaskan fiqh dan ilmu yang bersifat meliputi sebagaimana yang telah disusun oleh para ulamak Islam yang muktabar, mestilah menjadi antara tugas asasi setiap muslim di zaman ini, yang dipenuhi oleh berbagai seruan kepada berbagai-bagai ajaran dan fahaman yang meragukan ketinggian agama dan petunjuk Islam. Mereka hendaklah mendalami semula ajaran Islam dengan bersungguh-sungguh agar mereka dapat memahami kembali seluruh kewajipan-kewajipan mereka sebagai hamba Allah SWT. dan mengetahui kewajipan mereka sebagai seorang muslim terhadap jihad menegakkan Islam di zaman ini. Hanya dengan ilmu pengetahuan yang memelihara dari kesesatan, menimbulkan perasaan takut kepada Allah, menggerakkan ketaatan dan menunjukkan kepada jalan beramal yang betul sahajalah kesedaran dan kebangkitan umat Islam hari ini akan dapat benar-benar menghancurkan pengaruh ideologi sesat di dalam masyarakat umat Islam di zaman ini. Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah ayat 122 yang bermaksud: Tidak sepatutnya bagi orang-orang mukmin

³³ *Ibid*, h.131

³⁴ Lihat Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan, *Islam dari sudut Undang-Undang dan Perlembagaan Malaysia :Isu Murtad*, KB :JAHEIK, h.40.

itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringkatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.

Akal, rasional dan kajian sains masih lemah untuk untuk menentukan kehidupan manusia sebenar. Ini kerana akal masih lemah untuk mengetahui perkara yang berunsurkan metafizik atau di sebalik pancaindera. Sebahagian ahli sains moden telah mempercayai kewujudan unsur spritual dalam setiap material termasuk unsur kimia dan atom. Aristotle, mempercayai asas segala fenomena material dan alam ini disebabkan oleh tuhan yang berkuasa mutlak. Islam sentiasa mengajak kepada pembangunan dan perkembangan teknologi. Al-Quran sendiri mengajak umatnya berlumba-lumba dalam dunia ke arah kebaikan. Bahkan Islam pernah membawa umatnya satu masa dahulu kepada kegemilangan ilmu dan ketamadunan.³⁵

Undang-undang dan syariat Islam relevan dengan zaman moden. Segala perundangan Islam baik dalam masalah Jenayah adalah relevan malah lebih terbuka berbanding undang-undang Jenayah Sivil. Dalam hukuman bunuh terdapat konsep pengampunan begitu juga saksi yang kuat dalam kes zina manakala hukum ke atas mencuri melibatkan latar belakang kes yang amat teliti. Akidah Islam membimbing kepada kepercayaan yang sejati dan menenangkan jiwa dan iman manusia. Ini kerana kebanyakan fahaman dan agama lain mempunyai konsep kepercayaan tuhan yang kabur seperti konsep tuhan dlm Kristian. Kekaburan ini menyebabkan manusia hilang arah lantas mencari alternatif lain seperti fahaman sekular ini.

Setiap masalah, tribulasi dan mehnah pasti ada jalan penyelesaiannya dan strategi dakwah dalam membendung masalah ini agar dapat diselesaikan. Antara usaha yang perlu dilakukan dalam menyelesaikan fahaman Sekular ini ialah Ilmuan Islam hendaklah mengadakan kelas-kelas pengajian agama dan berusaha memberi gambaran sebenar kepada umat Islam dalam pelbagai cara seperti penulisan ilmiah, ceramah, katalog dan sebagainya tentang bahayanya sekularisme ini dan mengajar mereka agar dapat menguasai segala ilmu dan prinsip-prinsip Islam supaya mereka tidak terjerumus dengan perkara yang bertentangan dengan kehendak Islam. Ia menjadi satu kewajipan kepada muslim.³⁶Ilmuan Islam mestilah menghidupkan sunnah dalam kehidupan dan menzahirkan keunggulan Islam, bersatu menolak dan mengkritik para intelektual sekular agar fahaman mereka tidak menular dalam fikiran umat Islam. Pihak kerajaan dan NGO perlu mengadakan halaqah-halaqah al-Quran percuma kepada seluruh umat Islam tanpa mengira kedudukan, bangsa, dewasa, kanak-kanak dan sebagainya beberapa kali seminggu. Mereka yang berkelulusan agama memperuntukkan masa untuk umat Islam agar mereka lebih memahami cuba mengamalkannya dalam kehidupan Islam yang sebenar berdasarkan panduan al-Quran.³⁷Umat Islam mestilah meninggalkan sikap mengagung-agungkan ketamadunan barat yang kononnya membawa kemajuan dan kemodenan. Sebaliknya umat Islam mestilah menyanjungi kegemilangan tamadun Islam agar dapat mengembalikan kegemilangan Islam. .Umat Islam mestilah bergabung dan bersedia mengorbankan harta, wang ringgit, tenaga dan segalanya untuk kemaslahatan Islam serta menanam keazaman yang jitu untuk mengembalikan kedaulatan Islam di Malaysia yang tercinta agar ia menjadi suatu kenyataan.³⁸

³⁵Abdul Hadi,*op.cit*, h.97

³⁶ Ahmad Yummi Abu Bakar & Mohd Fairuz Jamaluddin.*op.cit*, h.172

³⁷ *Ibid*, h.175.

³⁸ *Ibid*, h.176.

Pihak berkuasa mestilah mengharamkan segala media yang boleh merosakkan nilai murni Islam dengan menukarkan kepada alternatif yang bermanfaat agar dapat mendidik dan melahirkan umat Islam yang berpekeriti mulia, bertamadun tinggi, berilmu dan membuka minda masyarakat agar dapat membawa negara menjadi maju berdasarkan syariat Islam.³⁹ Dialog di kalangan cendekiawan dan Non Muslim untuk menggalakkan persekitaran damai dan mesra dalam masyarakat majmuk. Contohnya usaha dialog golongan Islami dan Sekular yang dibuat oleh Dr Yusof al Qardhawi pada tahun 1985 di Dar al Hikmah, Mesir antara Syeikh Muhd al Ghazali dan Fuad Zakariyya menunjukkan kesan positif dalam kefahaman Islam.⁴⁰

Kesimpulan

Fahaman sekularisme adalah agenda barat untuk menghancurkan umat dan kekuatan Islam. Oleh itu keperluan kembali kepada Islam yang syumul, berpegang teguh dengan tali Allah yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Jadikan Islam “deenul *hayah*” sepanjang zaman, bersatu berpadu sepenuh tenaga, berjuang segalanya untuk Islam. Umat Islam adalah umat yang terpilih seperti ucapan yang dilontarkan oleh Saidina Umar kepada umat Islam:” Dulu kita ialah kaum yang hina lalu Allah memuliakan kita dengan Islam. Jika cari kemuliaan dengan sesuatu yang lain, nescaya Allah akan menghina kita.” Jangan biarkan masyarakat Islam terus “disekularkan” oleh Barat kerana kesenangan yang dicanangkan itu hanya keseronokan yang sementara. Hakikatnya syurga adalah kesenangan yang hakiki. Mudah - mudahan segala usaha dan penyelesaian yang dilakukan dapat memberi impak yang positif buat Islam dan perjuangan Islam akan mencapai kegemilangannya dan bersesuaian dengan tujuan maqasid al syariah dalam menjaga agama.

Rujukan

- A. Abdul Halim Mat Diah (1989), *Beberapa Masalah Ummah*. Kuala Lumpur: Abim
- Abd Hadi Awang (2007), *Islam & Demokrasi*. Batu Caves: PTS Islamika
- A. Hornby (2004), *Oxford Advanced Dictionary*. Oxford: Oxford University Press
- Abu Ridho (2001), *Gerakan Keagamaan dan Pemikiran*. Jakarta: al-Islahy Press
- Ahmadi al-Aziz (2002), *Bapa Pembangunan Turki Moden, Mustafa Kamal Atatuk*. Kuala Lumpur: Usnie Sdn Bhd
- Ahmad bin Khairuddin & Nur Amalina bt Mohd Azman. Penyelenggara (2014), *Akal Siapa Tuhan Kamu?* Semenyih: Humaira Publications
- Ahmad Yumni Abu Bakar & Mohd Fairuz Jamaluddin (2014), *Menjawab Islam Liberal*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Che Yusoff bin Che Mama (1988), *Perkembangan dalam Masyarakat Muslim*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah.
- Dr Abdullah Azam (2010, Cetakan 6). *Turki Negara Dua Wajah*. KL Alam Raya Enterprise.
- Dr Basem Khafaji (2010), *Strategi Barat Mengekang Islam*. KL: Perkim
- Dr. Danial Zainal Abidin. (2003), *Kit Kombat Islam untuk Remaja*. Pahang: PTS Publications & Distriburors Sdn. Bhd.
- Dr Yusof al Qardhawi (2015). *Fiqh Keutamaan*. Terj. Dr Juanda Haji Jaya. Bangi: Syabab Book Link.
- Fathi Yakan (2010), *Apa Erti Saya Menganut Islam*. Batu Caves: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Ghazali Darussalam (1998), *Dakwah Islam dan Ideologi Moden*. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

³⁹ *Ibid*, h.178.

⁴⁰ Yusof Qardhawi, *op. cit*, h.225.

- Malik Bennabi (1991), *Islam dalam Sejarah & Masyarakat*. Terj Ismail Hj Ahmad. Hulu Klang: DBP
- Mohd Zaidi Abdullah (2000), *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Syathariah Niaga Sdn Bhd
- Nik Azran Muhammad & Mohd Mahadi Hj Isa (2009), *Gerakan Orientalisme & Kristianisasi*. KL: Hijjaz Records Publishing.
- Ridzuan Mohd Noor & Ahmad Fadzil (2009), *Islam Liberal & Pluralisme*. KL: Jundi Resources.
- Robert Eagang. (1939), *Europe From the Renaissance to Waterloo*. US: Dc Heath and Company
- Shittu Abdulazeez Bologun. Reflections on Anti Shariah Practices Among Muslims. *Jurnal Syariah, Jil 17, Bil 1 (2009)*, 153-168)
- Tamim Ansary (2014) *Sejarah Dunia Dari Sudut Pandang Islam*. Terj. Asmadi Zain. Kajang: JS Adiwarna Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zanariah Noor. Melarikan Anak Ke Luar Negara: Kawalan Undang-Undang di Malaysia dan Di bawah The Hague Convention On the Sivil Aspect of International Child Abduction. 1980. *Jurnal Syariah, Jil 18 Bil 1 (2010)* 137-16
-, 2007. *Islam Dari Sudut Undang-Undang dan Perlembagaan Malaysia: Isu Murtad*. Kota Bharu: JAHEIK